



## RINGKASAN EKSEKUTIF

# SEGAMAT|2030

DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH SEGAMAT 2030 (PENGGANTIAN)







RT Daerah Segamat 2030  
Majlis Perbandaran  
Segamat



RT Daerah Segamat 2030  
Majlis Daerah  
Labis

Rancangan Tempatan (RT) merupakan satu dokumen statutori yang mengandungi suatu peta dan pernyataan bertulis disokong oleh garis panduan pelaksanaan yang menerangkan dengan lebih terperinci segala cadangan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan untuk pemajuan dan penggunaan tanah dengan menterjemahkan dan memperincikan dasar-dasar strategik Rancangan Struktur Negeri, sebagaimana di bawah peruntukan seksyen 12-16A, Akta 172.

Rancangan Tempatan Daerah Segamat 2030 ini akan menggantikan sepenuhnya Rancangan Tempatan Daerah Segamat 2020 yang telah diwartakan pada 10 Jun 2010.



## Keperluan Penggantian RTD Segamat 2020

01



Persempadanan semula 2 Pihak Berkuasa Tempatan

02



Aspirasi Daerah Sebagai Pusat Katalis & 'Agriculture Powerhouse'

03



Keperluan Pindaan Zon Guna Tanah Akibat Tekanan Pembangunan

04



Tamat Tempoh Perancangan Pada Tahun 2020

# PROSES PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN

02



## PERINGKAT 1

Mobilisasi



Asas Rujukan

Pelantikan Perunding

Penyediaan Peta Asas

## PERINGKAT 2

Penyediaan Draf RT



Laporan Pendekatan Kajian

Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP)

Subseksyen 12, Akta 172

Draf Rancangan Tempatan

## PERINGKAT 3

Publisiti & Penyertaan Awam



Subseksyen 13, Akta 172

Publisiti dan Penyertaan Awam

Subseksyen 14, Akta 172

JK Siasatan Tempatan Dan Pendengaran Awam (JSTPA)

## PERINGKAT 4

Pewartaan & Pembatalan RT



Subseksyen 15(1), Akta 172

Kelulusan Draf RT (JK Perancang Negeri)

Subseksyen 15(1c), Akta 172


Persetujuan Pihak Berkuasa Negeri (PBN)

Subseksyen 15(4), Akta 172

Pewartaan dan Pembatalan RT

# KAWASAN RANCANGAN TEMPATAN

03



**Kedudukan Negeri Paling Utara Di Johor**



**Bersempadan dengan**



**Negeri Sembilan Gemas**

**Negeri Pahang Rompin**

**Johor Tangkak Muar Batu Pahat Kluang Mersing**

## Mukim 11 Buah Mukim



MUKIM	LUAS (HEKTAR)
<b>Majlis Perbandaran Segamat</b>	
1. Gemas	30,469.79
2. Buloh Kasap	26,155.10
3. Sermin	12,362.0
4. Jabi	13,697.0
5. Sungai Segamat	18,523.2
6. Pogoh	15,732.0
7. Gemerah	2,200.0
8. Jementah	22,644.94
<b>Majlis Daerah Labis</b>	
1. Labis	42,550.10
2. Bekok	84,118.0
3. Chaah	18,204.0
<b>Jumlah</b>	<b>286,656</b>

## Majlis Perbandaran Segamat



## Majlis Daerah Labis




# PROFIL PENDUDUK

04

Penduduk 2010  
**182,985 orang**

**5.70%**  
daripada  
penduduk Negeri  
Johor



Anggaran Penduduk  
2030  
**215,029 orang**

**3.45%**  
daripada anggaran  
penduduk Negeri  
Johor

## Purata Kadar Pertumbuhan Segamat 2010-2030



## Unjuran Penduduk mengikut Mukim Tahun 2020 dan 2030


TAHUN	2010	2020	2030	KPPT (%) 2010-2020	KPPT (%) 2020-2030
<b>MUKIM</b>					
Bandar Segamat	2,660	2,535	2,688	-0.82%	0.59%
Pogoh	20,593	24,964	26,470	1.10%	0.59%
Buloh Kasap	24,010	25,725	29,029	0.59%	1.22%
Sungai Segamat	42,737	45,833	52,381	0.48%	1.34%
Gemas	12,702	13,555	14,192	0.31%	0.46%
Gemereh	6,363	6,729	6,967	0.44%	0.35%
Jabi	7,166	5,851	5,870	-1.94%	0.03%
Jementah	17,194	18,723	20,600	0.54%	0.96%
Sermin	1,670	1,638	1,677	0.12%	0.24%
<b>MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT</b>					
Labis	30,742	32,922	36,770	0.53%	1.11%
Chaah	12,470	13,067	14,837	0.35%	1.28%
Bekok	4,678	3,491	3,548	-3.09%	0.16%
JUMLAH	182,985	195,035	215,029	0.64%	0.98%
<b>MAJLIS DAERAH LABIS</b>					

**MPS | MDL**  
**74% | 26%**

Pembahagian  
Penduduk PBT  
Tahun 2030

# GUNATANAH SEMASA DAERAH SEGAMAT

05



Perumahan

**2,282.53**  
Hektar

Komersial

**320.53**  
Hektar

Industri

**475.70**  
Hektar

Pertanian

**168,150.22**  
Hektar

Hutan

**102,218.78**  
Hektar

Jalan /  
Pengangkutan

**4,475.74**  
Hektar

Infrastruktur  
& Utiliti

**535.04**  
Hektar

Badan Air

**2,788.45**  
Hektar

Tanah  
Lapang &  
Rekreasi

**2,705.03**  
Hektar

Institusi &  
Kemudahan  
Masyarakat

**1,251.71**  
Hektar

## VISI KATALIS PERTUMBUHAN WILAYAH JOHOR UTARA – HAB PERTANIAN JOHOR



### SEGAMAT SEBAGAI KATALIS PERTUMBUHAN WILAYAH UTARA JOHOR

- Meningkatkan ekonomi daerah selaras fungsi sebagai katalis pertumbuhan bagi kawasan wilayah utara Negeri Johor dan juga merangkumi kawasan tengara dan timur Negeri Sembilan serta barat daya Negeri Pahang.
- Tumpuan kepada peningkatan aksesibiliti dan perhubungan, pusat perkhidmatan perbandaran yang kondusif, pengukuhan infrastruktur dan utiliti, pemerkasaan aktiviti industri dan pelaburan, pengurusan risiko bencana dan alam sekitar mampan dan sistem tadbir urus yang efektif

### SEGAMAT SEBAGAI HAB PERTANIAN JOHOR

- Sektor pertanian sebagai penyumbang utama ekonomi dan peluang pekerjaan.
- Pertanian berskala besar (*large scale farming*) dan penerannakan komersial (*commercial farming*) untuk tujuan eksport dan pengeluaran produk hasil tani.
- Penggunaan teknologi moden dalam sektor pertanian
- Pembangunan dan pengukuhan infrastruktur dan prasarana pertanian serta sistem sokongan seperti promosi, pemasaran, pengawalan mutu produk dan penyelidikan.
- Memperkasakan aktiviti eko dan agro pelancongan




# KONSEP PEMBANGUNAN

07


Secara umumnya konsep pembangunan Daerah Segamat berteraskan kepada '**Multiple Nuclei Model**' dengan penekanan kepada petempatan utama Bandar Segamat dan Labis, seterusnya disokong oleh pusat-pusat perkhidmatan lain sesuai dengan hierarki masing – masing.



## Zon Kawalan Pembangunan



## Koridor Pembangunan




- Pusat Wilayah Negeri / Katalis
- Pusat Petempatan Utama
- Pusat Petempatan Kecil
- Pusat Petempatan Desa



- Koridor Utama
- Segamat - Bandar Putra
- Segamat - Jemantah
- Segamat - Buloh Kasap



- Koridor Sekunder
- Buloh Kasap - Batu Anam - Gemas Baru
- Bandar Putra - Tenang
- Labis - Tenang
- Labis - Chahah



## Zon Pembangunan Khusus




## Sistem Perhubungan



# PELAN CADANGAN GUNA TANAH 2030

08



## TREND PERUBAHAN GUNATANAH 2030 TEPUBINA

Peratusan Semasa	Guna Tanah Semasa 2017 (Hektar)	Guna Tanah 2030 Peratusan (%)
0.80%	2,282.53 Hek	Perumahan 13,732.48 Hek 4.79%
0.11%	320.53 Hek	Komersial 428.95 Hek 0.15%
0.16%	458.33 Hek	Industri 2,746.53 Hek 0.96%
0.44%	1,251.71 Hek	Institusi & Kemudahan Masyarakat 1,662.31 Hek 0.58%
0.94%	2,705.03 Hek	Tanah Lapang & Rekreasi 2,773.34 Hek 0.97%
0.19%	535.04 Hek	Infrastruktur & Utiliti 590.80 Hek 0.21%
0.56%	4,475.74 Hek	Pengangkutan 4,816.29 Hek 1.24%

## TREND PERUBAHAN GUNATANAH 2030 BUKAN TEPU BINA

Peratusan Semasa	Guna Tanah Semasa 2017 (Hektar)	Guna Tanah 2030 Peratusan (%)
58.66%	168,150.22 Hek	Pertanian 156,100.57 Hek 54.46%
35.66%	102,218.78 Hek	Hutan Dara & Hutan Simpan 100,248.00 Hek 34.97%
0.97%	2,788.45 Hek	Badan Air 3,554.63 Hek 1.68%
0.50%	1,441.22 Hek	Tanah Kosong - 0.00%



## TERAS 1 EKONOMI PROGRESIF & BERDAYA MAJU

4

Hala Tuju  
Pembangunan

22

Strategi  
Pembangunan

65

Program /  
Projek

10

Projek  
Berimpak  
Tinggi

**H1** PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN  
DAERAH SEGAMAT SEBAGAI HAB  
PERTANIAN NEGERI JOHOR

**H2** PENGUKUHAN PEMBANGUNAN  
PERINDUSTRIAN SECARA BERSEPADU  
DAN MAPAN

**H3** SEGAMAT PELANCONGAN EKOLOGI  
DAN AGRO BERTARAF  
ANTARABANGSA

**H4** PENJANAAN AKTIVITI PERNIAGAAN  
BANDAR SEGAMAT YANG LEBIH  
EKONOMIK DAN KOMPREHENSIF



01

### PENGEKALAN KAWASAN PERTANIAN UTAMA DAN PRODUKTIF

- Memperluaskan pembangunan **Agro Mix Farm** dan mewartakannya setaraf dengan **TKPM**.
- Mengezonkan **TKPM** - Tanaman dan Agro Mix Farm sebagai **Kawasan Sensitif Alam Sekitar – sumber makanan**.
- Mengelakkan kawasan **tanah pertanian kelas 2 dan 3** di luar koridor pembangunan daerah.
- Merancang dan membangunkan tapak-tapak **TKPM dan Agro Mix Farm secara komersial dan bersepadu**.
- Melaksanakan **rancangan tebatan banjir**.



### MEMBANGUNKAN PUSAT PENGUMPULAN, PEMPROSESAN DAN PEMBUGKUSAN (CCPC)

02

- Meningkatkan **pengawalan kualiti, penjenamaan hasil tani serta memperkuatkan daya saing dan rangkaian pemasaran** hasil tani Daerah Segamat
  - Taman Perindustrian Segamat 2
  - Jementah
  - Tenang

LOKASI

03

### MEMBANGUN & MENINGKATKAN PRODUKTIVITI HAB DURIAN SEGAMAT

- Merancang dan membangunkan Kluster Durian Wilayah Selatan
- Membangunkan pusat nurseri benih durian di Agro Mix Farm, Pemanis.
- Mempromosikan Kg. Paya Jakas – Bukit Jementah (Dusun Agrotourism) sebagai Hab Durian Segamat utama
- Mempromosikan Kg. Pancar Jaya (Bekok) sebagai Hab Durian Segamat Sekunder .



### MEMBANGUNKAN KLUSTER IKAN BAUNG SEGAMAT SECARA KOMERSIAL DAN MESRA ALAM

04

- Membangunkan pusat nurseri benih (*hatcheri*) ikan baung di tapak Agro Mix Farm, Pemanis (plot perikanan)
- Membangunkan Zon Kluster Ikan Baung Segamat di kawasan FELDA Medoi, FELDA Palong Timur dan Felda Tenang dengan penggunaan teknologi moden.



05

### CADANGAN KLUSTER INDUSTRI ASAS TANI/BIOTEKNOLOGI

- Mengaplikasi **konsep zero waste**, dengan **menggunakan 100% sisa buangan dan hasil pertanian** sebagai sumber bagi sektor perindustrian.
- Pembuatan produk industri berdasarkan sumber pertanian seperti Biodiesel / bioisim, Produk makanan dan Produk kesihatan.

#### LOKASI

- Sekitar kawasan industri berdekatan SIP
- Perindustrian Buloh Kasap



### CADANGAN INDUSTRI HALAL FOOD PARK

06

- Pembangunan Kompleks Industri Halal Food Park Segamat** bagi menyokong Negeri Johor sebagai Pusat Hab Makanan Halal
- Menggunakan dan mematuhi sepenuhnya status taman makanan halal (HALMAS)** yang dikeluarkan oleh Halal Development Corporation (HDC).
- Premis industri **mengaplikasikan proses lestari** yang meminimumkan penggunaan sumber, sisa industri dan tenaga yang boleh diperbaharui
- Pemberian insentif** kepada pengendali taman halal dan peserta industri yang menjalankan industri halal

- Taman Perindustrian Segamat 2 LOKASI



07

CADANGAN PENYEDIAAN  
LAMAN WEB (ONLINE) &  
APLIKASI TELEFON  
MAKLUMAT PELANCONGAN  
DAERAH SEGAMAT

- Cadangan **penyediaan** satu **website** atau **apps** yang menyediakan maklumat lengkap terutamanya berkaitan pengangkutan, penginapan, tempat makan dan kawasan tarikan bagi destinasi Daerah Segamat akan memudahkan lagi perjalanan pelancong



MEMBANGUNKAN PRODUK EKO  
PELANCONGAN

08

- Membangunkan '**Eco Adventure Park**' berkonseptan zoo safari di pintu masuk Taman Negara Johor Endau – Rompin (Selai).
- **Menaik taraf laluan dan kemudahan pelancongan** di Hutan Lipur Sg. Bantang, Hutan Lipur Taka Melor, Takah Pengkoi dan Jeram Tinggi (Jementah)
- Menyediakan ruang/tapak untuk '**Caravan Park**' di Hutan Lipur Sg. Bantang





09

**MEWARTAKAN TAMAN NEGARA  
JOHOR ENDAU ROMPIN (SELAI)  
SEBAGAI ASIA HERITAGE PARK  
& WARISAN KEBANGSAAN**

- Menyediakan **Pelan Pengurusan Kawasan TNJERS** untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai Asia Heritage Park dan Warisan Kebangsaan.
- Membangunkan TNJERS dengan penyediaan kemudahan ‘**Outdoor Lab Nature Educational & Research Centre (NERC)**’ sebagai pusat rujukan dan penyelidikan ekologi serta **tempat pembiakan spesis-spesis hidupan liar** yang terancam terutamanya badak sumatera.



10

**CADANGAN AGRO WET/ WHOLE FOOD MARKET**

- Berkonsepkan **perniagaan di bawah satu bumbung** dengan pelbagai jenis barang dan perkhidmatan berdasarkan pertanian seperti biji benih, baja, peralatan berkebun, sayuran dan buah segar boleh didapati di sini.
- Selain itu, terdapat **pelbagai program dan acara tahunan akan dijalankan** seperti pertandingan buah-buahan atau sayur-sayuran terbesar peringkat negeri/daerah, ukiran buah-buahan, “Pesta Industri Asas Tani” dan lain-lain bagi menarik penduduk dan pelancong untuk berkunjung ke Daerah Segamat

Lot 571-573, 575-578  
(Tanah Milik Jab. Veterinar)

LOKASI



## TERAS 2 PERANCANGAN GUNA TANAH DAN PUSAT PENEMPATAN

3

12

49

6

Hala Tuju  
Pembangunan

Strategi  
Pembangunan

Program /  
Projek

Projek  
Berimpak  
Tinggi

**H1**

PERANCANGAN GUNA TANAH KERAH  
DAERAH AGROPOLITAN

**H2**

BANDAR SEGAMAT KE  
ARAH PEMBANGUNAN BANDAR *RIVERFRONT*  
DAN EKOPELANCONGAN SEMULAJADI YANG  
CERIA DAN BERIDENTITI

**H3**

SEGAMAT SEBAGAI DAERAH WARISAN  
PERTANIAN

01

**CADANGAN PEMELIHARAAN &  
PEMULIHARAAN BANGUNAN  
WARISAN DI BANDAR SEGAMAT  
LAMA DAN PEKAN LABIS**



Penambahbaikan bangunan perkedaian lama dengan **elemen landskap jalan, pencahayaan dan mengecat semula bangunan**

**LOKASI**

- Bandar Segamat Lama; Jalan Aji, Jalan Ibrahim, Jalan Ismail, Jalan Mentol, Jalan Awang, Jalan Tengku Ahmad, Jalan Awang, Jalan Sultan
- Deretan Kedai Lama (Jalan Pasar, Jalan Tenang, Jalan Labis dan Jalan Labis-Muar)



**CADANGAN *BACK TO LANE***

02

Cadangan *Back to Lane* mengetengahkan elemen lukisan, penurapan jalan, elemen landskap dan CCTV yang dapat mempertingkatkan nilai kawasan bandar lama dan mewujudkan persekitaran yang menarik di sekitar pekan.



**LOKASI**

- Lorong belakang Jalan Ismail dan Jalan Leong Yong
- Jalan Pasar dan Jalan Tenang, Labis
- Jalan Gunung, Bekok

03

### CADANGAN SEGAMAT RIVERFRONT



- Lanskap kejur: arca mahkota, laluan pejalan kaki, lampu taman, *bollard*, kerusi taman, kekotak tanaman, papan tanda info, *deck* dan pergola
- Pusat informasi bandar (penggunaan bangunan kedai lama)
- Pengindahan dan menambah baik struktur tebing sungai
- Pintu masuk dengan reka bentuk ikonik

#### LOKASI

- Jalan Sultan



### CADANGAN LALUAN PEJALAN KAKI DAN BASIKAL DI BANDAR SEGAMAT & PEKAN LABIS

04

- 
- 
- Pembinaan laluan pejalan kaki dan basikal
  - Mewarnakan laluan khas basikal dengan warna biru menggunakan cat *retro-reflective* agar laluan khas basikal ini mudah dilihat dan dikenal pasti pada waktu malam
  - Penyediaan *bollard* dan pagar penghadang *anti-climb* (*anti-climb fence*) untuk memisahkan laluan pejalan kaki dan kendaraan bermotor
  - Aspek pencahayaan yang menarik (*LED street art* dan menggunakan cat *glow in the dark*)
  - Papan tanda dan papan informasi
  - Penyediaan kemudahan bagi golongan OKU seperti ramp, laluan golongan cacat penglihatan (*tactile paving*) dan lain-lain



05

### CADANGAN PENGINDAHAN PINTU MASUK BANDAR SEGAMAT DAN PEKAN LABIS

Cadangan pengindahan pintu masuk pusat bandar dapat menyerlahkan karakter reka bentuk sesuatu bandar. Ini secara tidak langsung akan mewujudkan *sense of welcoming* di Pusat Bandar Segamat dan Labis. Ia melibatkan pembinaan elemen pintu gerbang dan penambahbaikan reka bentuk landskap.



### CADANGAN STESEN BAS, RTC DAN PASAR DI JEMENTAH

06

- Cadangan ini adalah bagi menyokong keperluan harian penduduk Jementah dengan menyediakan kemudahan perkhidmatan perbandaran.
- Menaik taraf bangunan pasar Jementah kepada RTC, Terminal Bas dan Pasar
- Pembangunan bersepadu dan berhubung bagi setiap bangunan





## TERAS 3

### PENYEDIAAN SISTEM PENGANGKUTAN DAN INFRASTRUKTUR YANG MENYELURUH DAN KEBOLEHARAPAN

2

9

43

4

Hala Tuju  
Pembangunan

Strategi  
Pembangunan

Program /  
Projek

Projek  
Berimpak  
Tinggi

H1

DAERAH SEGAMAT KE ARAH  
PENYEDIAAN PERHUBUNGAN DAN  
PENGANGKUTAN YANG MENYELURUH  
DAN EFEKTIF

H2

PERANCANGAN INFRASTRUKTUR DAN  
UTILITI YANG MAMPAH DAN CEKAP



**01**

### LANDASAN KERETAPI BERKEMBAR ELEKTRIK GEMAS-JOHOR BAHRU

- Projek ini melibatkan cadangan naik taraf laluan kereta api sedia ada dan pembinaan jejambat menerusi projek Rel Berkembar Elektrik (ETS).
- Projek ETS ini melibatkan pembinaan empat stesen ETS di Daerah Segamat iaitu;
  - ✓ Stesen utama di Segamat
  - ✓ Stesen sekunder di Labis dan Bekok
  - ✓ Stesen operasi dan barang di Genuang



LALUAN SEPANJANG  
**197KM**



### CADANGAN MEMBINA LEBUHRAYA TENGAH JOHOR (JB)

**02**

Gemas Baharu – Segamat – Kluang – Pasir Gudang

**LALUAN**

LALUAN SEPANJANG

**76.7KM**

- Bertujuan untuk menghubungkan bahagian utara-selatan Negeri Johor
- 5 pilihan cadangan laluan susun keluar dalam kawasan Daerah Segamat:
  - ✓ Susur keluar Gemas
  - ✓ Susur keluar IOI
  - ✓ Susur keluar Taman Yayasan
  - ✓ Susur keluar Bandar Segamat
  - ✓ Susur keluar Bandar Labis

03

### CADANGAN MEMBINA DAN MENAIK TARAF LOJI RAWATAN AIR



#### 1. Cadangan Loji Rawatan Air Buloh Kasap

Cadangan Loji Rawatan Air Buloh Kasap Fasa 1 (16 juta liter sehari) bagi tahun 2020 dan fasa 2 (tambahan 5 juta liter sehari) bagi tahun 2030.

#### 2. Cadangan Menaik Taraf Loji Rawatan Air Pemanis

Cadangan menaik taraf Loji Rawatan Air Pemanis daripada kapasiti semasa sebanyak 2.77 juta liter sehari kepada 4.00 juta liter sehari.



#### 3. Cadangan Menaik Taraf Loji Rawatan Air, Air Panas C

Cadangan menaik taraf loji rawatan air, Air Panas C daripada kapasiti semasa sebanyak 11.46 juta liter sehari kepada 26.46 juta liter sehari.



### CADANGAN NAIK TARAF DAN PENGGANTIAN PAIP AGIHAN BEKALAN AIR BERSIH

04

- Cadangan Penggantian paip agihan bekalan air untuk mengurangkan kadar air tidak terakaun (NRW) bagi kawasan Daerah Segamat dimana kadar NRW semasa adalah **32.61% (2016)** di mana sasaran pengurangan bawah **15% NRW pada tahun 2030**.
- Menukar semua paip yang usang dan jenis Simen Asbestos (A.C) kepada jenis *Mild Steel* atau *HDPE/Ductile Iron*





## TERAS 4 KOMUNITI INKLUSIF

4

13

47

6

Hala Tuju  
Pembangunan

Strategi  
Pembangunan

Program /  
Projek

Projek  
Berimpak  
Tinggi

**H1** PEMBANGUNAN KAWASAN  
PETEMPATAN DESA  
DAERAH SEGAMAT  
SEBAGAI DESA SEJAHTERA

**H3** PEMBANGUNAN INTITUSI DAN  
KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG  
MENCUKUPI DAN BERKUALITI

**H2** PENYEDIAAN PERUMAHAN YANG  
MENCUKUPI DAN MAMPU MILIK

**H4** REKREASI DAN LANDSKAP SEBAGAI  
JARINGAN HIJAU SEGAMAT



01

### MEMBANGUN DAN MEMAJUKAN PUSAT PERTUMBUHAN DESA (PPD)



- Menjadikan PPD sebagai "Kampung Lestari/Kampung Terbaik"
- Pengukuhan aktiviti ekonomi desa dan pemuliharaan tanah-tanah terbaik
- Menyediakan kemudahan masyarakat, infrastruktur dan sistem telekomunikasi
- Menyediakan aktiviti industri asas tani dalam kawasan kampung
- Mencadangkan program "Satu Daerah Satu Industri (SDSI)", khususnya bagi kampung-kampung yang belum mempunyai produk SDSI

LOKASI

- Kg Kuala Paya
- Kg Melayu Raya
- Kg Bukit Kledang
- Kg Balai Badang, Kg Awat
- Kg Spang Loi
- Kg Gelang Chinchin
- Desa Temu Jodoh
- Kg Orang Asli Kudung



02

### CADANGAN PEMBANGUNAN PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)



Bangunan Derang Emas

LOKASI



03

CADANGAN NAIK TARAF  
HOSPITAL SEGAMAT

- Naik taraf kemudahan sedia ada seperti dewan bedah, unit rawatan rapi (ICU) dan wad unit rawatan rapi neonatal (NICU)
- Pejabat pengurusan dan kuarters kakitangan hospital
- Klinik-klinik pakar
- Kemudahan helipad untuk kecemasan

KOS

RM 400 JUTA

CADANGAN PEMBANGUNAN IBU  
PEJABAT POLIS DAERAH  
SEGAMAT

04

Keperluan tapak bagi menggantikan ibu pejabat balai polis sedia ada yang terletak bersama Balai Polis Segamat adalah untuk menampung jumlah kakitangan kesan daripada pertambahan penduduk dan pertumbuhan pembangunan

• RM 30 JUTA

KOS

05

### CADANGAN TAMBAHAN FAKULTI SAINS PERTANIAN DAN MAKANAN DI UITM SEGAMAT

- Cadangan kursus / subjek berkaitan seperti:
  - ✓ Sains pertanian
  - ✓ Sains perhutanan
  - ✓ Perikanan
  - ✓ Kesihatan haiwan dan peternakan
  - ✓ Pengurusan perladangan
  - ✓ Sains teknologi kayu
- Pusat penyelidikan berdasarkan Pertanian
- Program TVET

06

### CADANGAN MEMBINA KOMPLEKS SUKAN BERSEPADU SEGAMAT

- 
- 
- Stadium tertutup
  - Padang bola terbuka
  - Kolam renang awam
  - Kompleks gelanggang sukan (gelanggang badminton dan takraw)
  - Ruang awam dan kantin
  - Gimnasium (sukan angkat berat)

LOKASI

Jalan Serikaya

1



# TERAS 5

## ALAM SEKITAR DAN SUMBERJAYA LESTARI

3

16

59

4

Hala Tuju  
Pembangunan

Strategi  
Pembangunan

Program /  
Projek

Projek  
Berimpak  
Tinggi

**H1** DAERAH SEGAMAT KE ARAH PENGURUSAN  
ALAM SEKITAR YANG LESTARI

**H2** DAERAH SEGAMAT KE ARAH BERSIAPSIAGA  
MENGHADAPI RISIKO BENCANA

**H3** DAERAH LABIS KEPADA KELESTRAIAN  
WARISAN EKOLOGI BERTARAF ASIA



01

## CADANGAN PENAMBAHAN SISTEM PEMANTAUAN KUALITI AIR

- Cadangan penambahan stesen pemantauan kualiti air sungai ini adalah untuk meningkatkan pemantauan air sungai yang merangkumi data asas di peringkat hulu (*upstream*) dan hilir (*downstream*).

### Sungai Muar & Sg Merlimau

S1	Jambatan Sg Muar - Kg Sepang Loi Baharu
S2	Jambatan Sg Muar, Jalan Buloh Kasap
S3	Jambatan Sg Merlimau, Jalan Batu Anam
3MR08	Jambatan Bt. 12.5 Jalan Segamat, Jementah

### Sungai Segamat & Sg Kenawar

S4	Jambatan Sg Segamat Jalan Kg. Tengah (J154)
S5	Jambatan Sg Segamat , Jalan Utama 5/1
3MR09	Jambatan Bandar Segamat
S6	Jambatan Sg Kenawar- Jalan Genuang
S7	Jambatan Sg Kenawar, Jalan Pogoh



## CADANGAN MENJADIKAN KAWASAN TAPAK PELUPUSAN SEDIA ADA SEBAGAI PUSAT PEMINDAHAN (*TRANSFER STATION*)

02


- Menukar tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada iaitu **TP Buloh Kasap** dan **TP Jln Muar (Maokil)** kepada stesen pemindahan, mengumpul dan merawat sisa pepejal sebelum dihantar ke tapak pelupusan sisa pepejal bersepadu di Bukit Payong.
- Komponen cadangan
  - ✓ Kaedah ‘material recovery facilities (MRF)’ bagi pengasingan sisa pepejal yang boleh dikitar semula
  - ✓ Stesen pemindahan (*transfer station*)
  - ✓ Mesin pematadan (*Compactor Machine*) bagi memadatkan sisa pepejal

03

### Pemeliharaan dan Pemuliharaan Rizab Sungai dan Zon Riparian Sungai Muar



- Mengenalpasti kawasan rizab sungai yang sesuai untuk ditambah baik dengan landskap atau pokok hutan melalui kajian teperinci
- Menanam pokok atau landskap yang bersesuaian dan terkawal di sepanjang rizab sungai yang terlibat
- Melaksanakan usaha tanaman mengaya di kawasan yang dikenalpasti



### CADANGAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM AMARAN AWAL BENCANA



04

Sistem amaran awal bertujuan untuk menyebarkan amaran berkenaan sesuatu kejadian bencana dalam tempoh masa yang bersesuaian bagi membolehkan individu, masyarakat dan organisasi bersiap sedia dan bertindak sewajarnya.

- Pemasangan Siren Amaran Awal
- Pemasangan Stesen Tolok Auto bersama Papan Digital
- Membangunkan Sistem Bantuan Sokongan Keputusan *Adaptive Emergency Evacuation Centre Management (AEECM)*

Muat Turun Laporan  
Melalui Aplikasi  
Segamat 2030  
di telefon pintar



